

Oleh Muhammad Saufi Hassan
saufi@mediaprima.com.my

CELIK DIGITAL MENJELANG MUSIM PERAYAAN

Pihak berkuasa, institusi kewangan sering mengingatkan peningkatan kes penipuan siber menjelang musim perayaan

Ramadan dan Aidilfitri bukan sahaja musim ibadat dan pertemuan keluarga, malah ia juga umpama musim 'aktiviti digital' dengan peningkatannya amat ketara.

Pembelian dalam talian, tempahan tiket perjalanan, penghantaran wang serta penggunaan aplikasi kewangan biasanya melonjak sepanjang tempoh ini.

Dalam suasana sibuk membuat persiapan raya, ramai pengguna mudah terlepas pandang aspek keselamatan digital.

Beberapa tahun kebelakangan ini juga, pihak berkuasa dan institusi kewangan sering mengingatkan peningkatan kes penipuan siber menjelang musim perayaan.

Antaranya termasuk penipuan pakej pelancongan palsu, mesej phishing yang menyamar sebagai bank atau syarikat kurier, serta taktik licik meminta pemindahan wang kononnya untuk urusan kecemasan.

Situasi ini menunjukkan teknologi yang memudahkan kehidupan juga boleh membuka ruang kepada jenayah digital jika pengguna tidak berhati-hati.

1. Semak kesahihan promosi jualan raya dalam talian

Menjelang Aidilfitri, pelbagai promosi pakaian, kuih raya dan barangan rumah dipasarkan secara agresif di media sosial.

Pastikan pengguna menyemak latar belakang penjual,

ulasan pelanggan serta kewujudan laman web rasmi sebelum membuat pembayaran.

Elakkan membuat bayaran terus ke akaun peribadi yang mencurigakan.

2. Elakkan klik pautan mencurigakan daripada mesej bank atau kurier

Penjenayah siber sering menghantar mesej yang menyamar sebagai bank, syarikat penghantaran atau platform e-dagang.

Biasanya mesej itu mengandungi pautan kononnya untuk mengemas kini maklumat akaun atau menuntut bungkusan.

Sebaiknya, akses laman web rasmi terus melalui aplikasi atau pelayar internet tanpa menekan pautan yang diberikan.

3. Aktifkan pengesahan dua faktor (2FA)

Akaun bank, e-dompot dan emel sebaiknya dilindungi dengan pengesahan dua faktor.

Fungsi ini memerlukan kata laluan selain kata laluan sebelum pengguna boleh log masuk.

Ia mampu mengurangkan risiko akaun digodam walaupun kata laluan diketahui pihak lain.

4. Gunakan aplikasi navigasi untuk merancang perjalanan balik kampung

Aplikasi seperti Waze atau Google Maps boleh membantu pengguna memantau keadaan trafik secara masa nyata.



SEMAK komen pembeli terdahulu dan lakukan sedikit kajian tentang kedai e-dagang sebelum membuat pembelian.

Menerusi fungsi ini, pengguna boleh merancang waktu perjalanan yang lebih sesuai serta mengelakkan laluan yang sesak ketika musim pulang ke kampung.

5. Muat turun aplikasi rasmi lebuhraya dan pengangkutan

Sesetengah lebuhraya menyediakan aplikasi rasmi yang memaparkan maklumat trafik, lokasi

hentian rehat serta notis kecemasan.

Aplikasi pengangkutan awam pula boleh membantu pengguna memeriksa jadual perjalanan bas atau tren dengan lebih mudah.

6. Gunakan e-dompot atau perbankan digital secara berhati-hati

Penggunaan e-dompot untuk membeli makanan, petrol atau tol semakin popular ketika musim

perayaan.

Namun, pengguna disarankan mengaktifkan ciri keselamatan seperti PIN atau biometrik bagi mengelakkan transaksi tanpa kebenaran jika telefon hilang.

7. Berwaspada dengan scam 'duit raya digital'

Ada kes penipuan yang menyamar sebagai pemberian duit raya digital dengan menghantar pautan tertentu.

Apabila pengguna memasukkan maklumat perbankan, data tersebut disalahgunakan.

Pastikan pemindahan wang hanya dilakukan melalui aplikasi bank atau e-dompot yang sah.

8. Elakkan berkongsi lokasi atau rancangan perjalanan secara terbuka

Memuat naik status bahawa rumah kosong kerana pulang beraya boleh membuka ruang kepada jenayah.

Sebaiknya, kongsi gambar atau cerita perjalanan selepas kembali dari kampung bagi mengelakkan risiko keselamatan.

9. Gunakan aplikasi pengurusan kewangan

Musim perayaan biasanya membabitkan perbelanjaan lebih tinggi.

Aplikasi pengurusan kewangan boleh membantu pengguna memantau bajet, merekod perbelanjaan dan mengelakkan pembelian berlebihan.

10. Sentiasa kemas kini sistem telefon dan aplikasi

Kemas kini perisian sering mengandungi tampalan keselamatan penting bagi melindungi peranti daripada ancaman siber.

Pastikan sistem operasi telefon serta aplikasi kewangan sentiasa berada pada versi terkini.

Secara keseluruhan, teknologi mampu membantu memudahkan persiapan Ramadan dan Aidilfitri jika digunakan secara bijak.

Menerusi sedikit kesedaran dan langkah pencegahan, pengguna bukan sahaja dapat menikmati kemudahan digital, malah dapat mengelakkan risiko jenayah siber yang sering meningkat ketika musim perayaan.



PEMBELIAN di atas talian memang mudah, namun pastikan ia laman web yang asli.